

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 KESIMPULAN

Kajian ini telah membincangkan secara khusus tentang konsep *Istihsān* menurut Syariat Islam. Ia diikuti dengan kajian berbentuk aplikasi konsep *Istihsān* di dalam perundangan Islam dan fatwa di Malaysia. Perbincangan tentang konsep *Istihsān* dimulakan dengan penelitian penyelidik terhadap sebelas takrif *Istihsān* yang diberikan oleh para ulama' usul fiqh. Penyelidik cenderung untuk menggunakan takrif yang dikemukakan oleh al-Karkhī serta digabungkan dengan unsur *Maṣlaḥah* bagi menyempurnakan lagi takrif *Istihsān* ini. Takrif al-Karkhī dipilih kerana ia menyatakan secara jelas tentang hakikat *Istihsān* iaitu tidak menghukumkan sesuatu permasalahan dengan hukum yang sama dengan bandingannya disebabkan wujud dalil yang lebih kuat yang dijadikan sebagai sandaran supaya permasalahan ini dihukumkan dengan hukum yang lain. Takrif ini juga tidak menyatakan secara khusus tentang dalil yang menyebabkan berlakunya pengecualian ini. Ini juga merupakan satu kelebihan bagi takrif al-Karkhī, kerana ia menjadikan takrif ini lebih umum dan merangkumi sekalian bahagian-bahagian *Istihsān*.

Penyelidik juga menggabungkan takrif ini dengan unsur *Maṣlaḥah* kerana ia merupakan salah satu tujuan penting dalam penggunaan konsep *Istihsān*. Kebanyakan pendokong *Istihsān* menggunakan konsep ini untuk menolak sikap keterlaluan di dalam penggunaan qiyas yang boleh membawa kepada satu ketetapan

hukum yang tidak bertepatan dengan ruh syariah. Oleh itu, *Istihsān* amat berkait dengan konsep *Maqāṣid al-Syarī'ah* di mana tujuan syariah secara umum adalah untuk memberi kemaslahatan (جلبُ المصلحة) dan menolak kemudaratan (دفعُ المفسدة) daripada manusia. Penggunaan konsep *Istihsān* semata-mata tanpa bersandarkan kepada konsep *Maqāṣid al-Syarī'ah* adalah tidak dibenarkan kerana ia boleh membawa kepada penentuan sesuatu hukum dan pengutamaan mana-mana dalil dengan menggunakan hawa nafsu semata-mata. *Istihsān* seperti ini yang ditentang oleh golongan yang tidak menerima *Istihsān* sebagai salah satu sumber bagi hukum khususnya al-Syafi'i. Berdasarkan keterangan-keterangan di atas penyelidik telah menakrifkan *Istihsān* sebagai berpaling daripada menghukumkan satu masalah, dengan hukum masalah-masalah yang sebanding dengannya, kepada hukum yang lain, kerana wujud dalil yang lebih kuat, dan pemalingan ini bertujuan untuk menuntut keringanan ataupun mengangkat kesusahan. Takrif inilah yang digunakan oleh penyelidik ketika mengaplikasikan konsep *Istihsān* di dalam penghakiman kes-kes di Mahkamah Syariah dan pengeluaran fatwa-fatwa di Malaysia.

Dari aspek kehujahan, penyelidik membahagikan pendapat para ulama' tentang *Istihsān* ini kepada dua golongan iaitu golongan yang menerima *Istihsān* sebagai salah sumber hukum syarak dan golongan yang menolak penggunaan *Istihsān*. Walau bagaimanapun perselisihan kedua-dua golongan ini bukan berdasarkan maksud *Istihsān* yang sama. Golongan yang menerima penggunaan *Istihsān* mengatakan *Istihsān* bermaksud mengutamakan sesuatu dalil dengan meninggalkan kaedah umum atau qiyas zahir kerana dalil yang diutamakan itu lebih kuat dan dapat memberi lebih kemaslahatan kepada manusia. Berbeza dengan golongan yang menolak penggunaan *Istihsān*, kerana mereka mengatakan bahawa *Istihsān*

bermaksud pengeluaran sesuatu hukum yang bersandarkan kepada hawa nafsu semata-mata tanpa berpegang kepada mana-mana dalil yang dibenarkan oleh syarak. Ini dapat menjelaskan bahawa sekiranya kedua-dua golongan ini berpegang kepada satu maksud yang sama bagi *Istiḥsān*, mereka tidak akan berselisish pendapat tentang kehujahan *Istiḥsān*. Perkara ini telah ditegaskan sendiri oleh al-Ghazālī di dalam kitabnya *al-Mustaṣfā* dengan mengatakan sekiranya *Istiḥsān* bermaksud berpaling daripada menghukumkan satu masalah dengan hukum yang sama dengan bandingannya kepada hukum yang lain kerana wujud dalil yang khusus bagi masalah tersebut, maka ini merupakan perkara yang tidak diingkari oleh mana-mana pihak. Al-Ghazālī hanya mengingkari pengkhususan dalil ini dengan nama *Istiḥsān* kerana ia boleh dimasukkan di bawah perbincangan dalil-dalil yang lain.¹

Seterusnya, penyelidik telah membahagikan *Istiḥsān* kepada tujuh kategori iaitu *Istiḥsān* dengan al-Quran, Sunnah, Ijmā', Qiyas *Khafī*, 'Urf, *Maṣlaḥah* dan Darurat. Pembahagian ini adalah berdasarkan penelitian penyelidik terhadap perbahasan-perbahasan yang dikemukakan oleh pendokong konsep *istiḥsān* daripada pelbagai mazhab iaitu Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Pembahagian kepada kategori-kategori ini juga menggambarkan perpindahan dalil bagi permasalahan *Istiḥsān* daripada menggunakan kaedah umum atau qiyas zahir kepada dalil-dalil lain yang berdasarkan kategori-kategori tersebut. Penyelidik telah memberikan contoh-contoh yang dikemukakan oleh para ulama' bagi setiap pembahagian. Ia dapat membantu penyelidik untuk memahami dengan lebih jelas konsep *Istiḥsān* khususnya ketika mengaplikasikan konsep ini dalam permasalahan-permasalahan yang terkini. Contoh-contoh permasalahan yang dikemukakan oleh penyelidik bagi setiap kategori

¹ Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, (1997), *al-Muṣṭaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl*, j. 1, Beirut: Mu'assah al-Risālah, h. 414.

ini ialah permasalahan wasiat (al-Quran), melakukan perkara yang boleh membatalkan puasa secara tidak sengaja (Sunnah), akad *Istiṣnā'* (Ijmā'), Pemiutang mencuri harta daripada orang yang berhutang dengannya (Qiyas *Khafī*), Peminjam haiwan memulangkan haiwan tersebut terus ke kandangnya bukan ke tangan pemiliknya ('*Urf*), *Ajīr musytarak* (*Maṣlaḥah*) dan Perigi yang telah terkena najis (Darurat).

Setelah membahaskan *Istiḥsān* dari sudut takrif, kehujahan dan bahagian-bahagiannya, penyelidik mula membincangkan aplikasi konsep *Istiḥsān* dalam konteks perundangan Islam dan fatwa di Malaysia. Dalam konteks perundangan Islam, penyelidik merujuk kepada kes-kes Mahkamah Syariah di empat buah negeri di Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang yang telah dilaporkan di dalam Jurnal Hukum. Sejumlah lapan puluh kes telah dianalisis oleh penyelidik dan lapan kes telah dikenalpasti menggunakan konsep *Istiḥsān*. Daripada lapan kes ini pula, penyelidik menghimpunkan kepada enam permasalahan sahaja kerana terdapat kes-kes yang boleh disatukan kerana mempunyai permasalahan yang hampir sama. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam bab ketiga kajian ini, kebanyakan kes yang menggunakan konsep *Istiḥsān* ini telah dikategorikan di bawah konsep *Istiḥsān* dengan *Maṣlaḥah*. Kes-kes yang dikategorikan di bawah konsep ini ialah hutang nafkah anak, wasiat *wājibah*, Hak melawat anak dan cucu dan permohonan injuksi terhadap suami. Manakala kes penghakiman secara *ex-parte* dan harta sepencarian pula, masing-masing dikategorikan sebagai *Istiḥsān* dengan Sunnah dan *Istiḥsān* dengan '*Urf*.

Perbincangan tentang aplikasi konsep *Istiḥsān* di dalam pengeluaran fatwa-fatwa di Malaysia pula melibatkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Pejabat atau Jabatan Mufti di empat buah Negeri di Malaysia melibatkan negeri-negeri yang sama ketika penyelidik membahaskan aplikasi konsep *Istiḥsān* dari aspek perundangan Islam. Penyelidik telah menganalisis sebanyak 106 fatwa daripada negeri-negeri tersebut dan hanya memilih empat fatwa yang menepati konsep *Istiḥsān*. Tiga daripada fatwa-fatwa yang menepati konsep *Istiḥsān* dikategorikan di bawah *Istiḥsān* dengan *Maṣlahah* iaitu fatwa berkenaan hukum menggali semula kubur orang Islam, penggunaan kalimah Allah di kalangan penganut Kristian dan transplan organ. Manakala fatwa berkaitan bayaran zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejourus pengeluaran pula dikategorikan di bawah konsep *Istiḥsān* dengan Sunnah.

Berdasarkan keseluruhan kajian ini, penyelidik telah membuat beberapa kesimpulan berkenaan konsep dan aplikasi *Istiḥsān* sebagai salah satu sumber bagi hukum syarak:

- (1) *Istiḥsān* merupakan salah satu sumber hukum syarak yang penting kerana ia dapat menyelesaikan banyak permasalahan-permasalahan terkini yang dihadapi oleh masyarakat. *Istiḥsān* juga pada hakikatnya merupakan satu kaedah yang disusun oleh para ulama' usul fiqh dengan dengan tujuan untuk meninggalkan penggunaan konsep Qiyas yang keterlaluan sehingga boleh menyebabkan hilangnya ruh dan *maqāsid* syariah dalam penetapan sesuatu hukum. Natijahnya, penggunaan konsep *Istiḥsān* dapat menghasilkan satu hukum yang lebih menepati keperluan masyarakat Islam dalam menghadapi perkembangan

dan peredaran masa yang lebih mencabar sepertimana penyelesaian kes-kes di Mahkamah Syariah dan fatwa-fatwa yang telah dijelaskan di dalam disertasi ini.

- (2) Penakrifan *Istihsān* yang tepat perlu menggabungkan dua unsur penting bagi konsep ini iaitu unsur perbandingan dan *Maṣlahah*. Kedua-kedua unsur ini perlu dinyatakan kerana permasalahan yang menggunakan konsep *Istihsān* mempunyai sekurang-kurangnya dua dalil yang bertentangan iaitu antara kaedah umum ataupun qiyas zahir dengan satu dalil yang lain sebagai sandaran bagi *Istihsān*. Oleh itu, seorang mujtahid perlu memastikan dalil *Istihsān* ini dapat memberi lebih kemaslahatan kepada manusia sehingga ia dapat menolak kaedah umum atau qiyas zahir bagi permasalahan tersebut.
- (3) Perselisihan pendapat dalam kehujahan *Istihsān* adalah perselisihan dari sudut lafaz semata-mata (*Khilāf Lafzī*) kerana kedua-dua golongan yang berselisih pendapat menggunakan konsep *Istihsān* dari sudut makna dan hakikatnya, meskipun golongan yang menolak *Istihsān* tidak menamakannya sebagai *Istihsān*.
- (4) Penerimaan konsep *Istihsān* pada hakikatnya tidak akan menyebabkan mazhab-mazhab yang menentang konsep *Istihsān* pada zahirnya seperti mazhab al-Syafi^ī terpaksa menerima semua pendapat-pendapat pendokong konsep ini kerana *Istihsān* merupakan salah satu dalil bagi hukum syarak dan seorang mujtahid berhak sama ada untuk menggunakan dalil ini ataupun tidak. *Istihsān*

sendiri mempunyai banyak bahagian yang memberi ruang berlakunya perselisihan pendapat di kalangan para mujtahid dan fuqaha’.

(5) Pembahagian *Istihsān* kepada tujuh bahagian adalah berdasarkan kepada dalil-dalil yang menjadi sandaran bagi *Istihsān*. Pengasingan bagi *Istihsān* dengan *Maṣlahah* dan *Istihsān* dengan darurat pula adalah disebabkan oleh *Istihsān* dengan *Maṣlahah* perlu mempunyai dalil lain yang menyokong penggunaan *Maṣlahah* tersebut. Sebaliknya, *Istihsān* dengan Darurat boleh terus diaplikasikan apabila terdapat keperluan yang amat mendesak untuk meninggalkan hukum yang dikeluarkan berdasarkan kaedah umum ataupun Qiyas zahir.

(6) Konsep *Istihsān* pada hakikatnya telah digunakan oleh ilmuan-ilmuan Islam di Malaysia sebagaimana yang dapat dilihat di dalam proses penghakiman kes di Mahkamah Syariah dan pengeluaran fatwa kontemporari. Walaubagaimanapun, penggunaannya tidak dinyatakan secara zahir dalam penghakiman ataupun pengeluaran fatwa tersebut. Perkara ini terjadi mungkin disebabkan konsep *Istihsān* termasuk dalam dalil-dalil yang amat ditentang oleh mazhab al-Syafi‘ī dan ia juga lebih sinonim dengan mazhab Hanafi.

(7) Berdasarkan kajian penyelidik terhadap kes-kes mahkamah dan fatwa-fatwa yang menepati konsep *Istihsān*, penggunaan konsep *Istihsān* dengan *Maṣlahah* merangkumi sebahagian besar kes-kes dan fatwa-fatwa tersebut. Hampir kesemua alasan yang diberikan untuk meninggalkan hukum asal bagi sesuatu permasalahan adalah untuk memberi kemaslahatan kepada pihak-pihak

tertentu. Ini dapat menjelaskan hubungan yang amat rapat di antara konsep *Istiḥsān* dan konsep *Maṣlaḥah*. Penggunaan konsep *Istiḥsān* semata-mata tanpa dihubungkan dengan *Maṣlaḥah* adalah tidak dibenarkan kerana ia akan membawa kepada peninggalan sesuatu hukum yang mempunyai dalil tanpa sebab-sebab yang munasabah.

- (8) Sungguhpun penggunaan konsep *Istiḥsān* dapat ditemui daripada kes-kes mahkamah dan fatwa-fatwa yang terdapat di negara ini, akan tetapi berdasarkan jumlah kes dan fatwa yang ditemui, ia boleh memberi gambaran bahawa penggunaan *Istiḥsān* masih dalam bilangan yang agak terhad. Penyelidik telah meneliti sebanyak 80 kes Mahkamah Syariah dan 106 Fatwa, walaubagaimanapun, hanya lapan kes Mahkamah Syariah dan empat fatwa sahaja yang bertepatan dengan konsep *Istiḥsān*. Realiti ini mungkin disebabkan keterikatan yang agak rapat dengan mazhab Syāfi'ī di mana ia menjadi sumber utama dalam rujukan kebanyakan penyelesaian kes dan fatwa di Malaysia. Ia juga menunjukkan, sekalipun mazhab Syāfi'ī menerima konsep *Istiḥsān* dari sudut maksud dan hakikatnya, penggunaan *Istiḥsān* dalam mazhab ini masih lagi dalam bentuk yang terbatas. Ini berbeza dengan mazhab Hanafī, Maliki dan juga Hanbali, di mana penggunaan *Istiḥsān* lebih luas dan ia sebenarnya disokong oleh penerimaan mazhab-mazhab ini secara menyeluruh terhadap konsep *Istiḥsān* sebagai salah satu sumber hukum syarak yang penting di sisi mereka.

5.2 CADANGAN

Pada penghujung bab ini, penyelidik ingin memberi beberapa cadangan berdasarkan pemerhatian penyelidik terhadap konsep *Istiḥsān* dan aplikasinya dalam penghakiman di Mahkamah Syariah dan pengeluaran fatwa di Malaysia.

(1) Penggunaan konsep *Istiḥsān* di dalam mazhab al-Syafi'ī perlu diperjelaskan.

Konsep *Istiḥsān* amat masyhur di kalangan pendokong mazhab Hanafi. Ia juga turut diamalkan oleh pengikut-pengikut mazhab Maliki dan Hanbali. Berlainan dengan pendokong mazhab Syafi'ī, mereka mengambil pendekatan menentang bagi konsep ini. Ini dapat dilihat daripada perbahasan para ulama' usul fiqh yang bermazhab Syafi'ī berkenaan konsep *Istiḥsān*, di mana mereka meletakkan perbahasan tentang *Istiḥsān* di bawah tajuk dalil-dalil yang ditolak (*al-Adillah al-Mardūdah*). Pendekatan ini juga dikuatkan lagi oleh kenyataan al-Syafi'ī sendiri yang mengatakan bahawa sesiapa yang menggunakan *Istiḥsān*, bermakna dia telah membuat syariat yang baru selain syariat yang diturunkan oleh Allah. Ini telah menyebabkan timbulnya satu tanggapan umum bahawa *Istiḥsān* merupakan dalil yang ditolak sama sekali oleh mazhab Syafi'ī sedangkan ia bertentangan dengan hakikat sebenar penggunaan konsep *Istiḥsān* di kalangan pendokong mazhab ini.

Realiti sebenarnya, mereka hanya menolak penggunaan atau pengkhususan nama *Istiḥsān* tetapi masih menggunakan maksud dan hakikat konsep *Istiḥsān* dalam proses pengeluaran hukum dengan menggunakan nama lain seperti Qiyas, *Takhṣīs* dan sebagainya. Oleh itu, penjelasan para ulama' usul fiqh daripada mazhab Syafi'ī tentang konsep *Istiḥsān* ini yang menyatakan bahawa *Istiḥsān* dari sudut maksudnya

tidak pernah berlaku perselisihan di kalangan ulama' perlu diperjelaskan dan disemak dengan lebih teliti sekalipun penggunaan istilah dan nama *Istihsān* itu sendiri masih diperdebatkan oleh para ulama'. Begitu juga, kenyataan keras dari al-Syafi'ī tentang *Istihsān* hendaklah diperjelaskan bahawa kenyataan ini hanya merujuk kepada *Istihsān* yang bersandarkan kepada hawa nafsu dan akal pemikiran manusia semata-mata tanpa menggunakan dalil-dalil yang diiktiraf oleh syarak.

(2) *Istihsān* sebagai pemangkin kepada semangat untuk berjihad

Penolakan sebahagian mazhab terhadap konsep *Istihsān* adalah disebabkan konsep ini boleh diterangkan ketika membahaskan dalil-dalil yang lain. Mereka juga menolak penggunaan dan pengkhususan nama *Istihsān* sebagai salah satu sumber bagi hukum syarak. Bagi menolak kritikan ini, pendokong kepada konsep *Istihsān* berhujah bahawa penggunaan mana-mana istilah bagi menggambarkan maksud sesuatu perkara adalah dibenarkan, lebih-lebih lagi, tidak terdapat sebarang larangan daripada al-Quran dan Sunnah daripada menggunakan istilah ini.

Selain itu, pengkhususan konsep ini dengan satu nama yang lain juga menunjukkan secara tidak langsung tentang kepentingan sumber hukum ini. *Istihsān* seolah-olah memberi satu panduan kepada seorang mujtahid untuk tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan sebarang hukum syarak, melainkan setelah membuat kajian yang terperinci dan membuat perbandingan di antara dalil yang telah diperolehi dengan dalil-dalil lain yang berkemungkinan mempunyai hubungan dengan hukum yang ingin dikeluarkan. Ia juga dapat menimbulkan semangat untuk berjihad dengan lebih tekun dan teliti kerana tugas untuk mengeluarkan sebarang hukum dan fatwa ini merupakan satu tugas yang mulia dan juga rumit. Seorang mujtahid bukan

sekadar mengambil dan menyampaikan hukum daripada pemilik syariat Islam ini (Allah dan RasulNya), dia juga dalam sesetengah keadaan perlu menggantikan tempat pemilik syariat ini ketika mengeluarkan hukum-hukum yang *diistibākan* daripada syariah berdasarkan penelitian dan ijtihadnya. Ini menunjukkan betapa besarnya peranan seorang mujtahid dan tanggungjawab yang perlu dipikul dalam melaksanakan amanah ini. Justeru, menjadi kewajipan bagi seorang mujtahid untuk menggunakan segala kebolehan dan kepakaran yang dimilikinya dengan sebaik mungkin sebelum mengeluarkan sesuatu hukum yang akan dipegang oleh umat Islam di sekelilingnya.

(3) Penentuan dalil bagi setiap penghakiman dan pengeluaran fatwa

Penetapan sesuatu hukum dalam Islam mestilah bersandarkan kepada salah satu sumber atau dalil bagi hukum syarak, sama ada bersandarkan kepada dua sumber utama bagi syariat Islam iaitu Al-Quran dan Sunnah ataupun sumber-sumber hukum selain daripada keduanya dengan syarat sumber-sumber ini mendapat pengiktirafan daripada Al-Quran dan Sunnah sepertimana *Istihṣān*. Perbincangan tentang sumber-sumber atau dalil-dalil ini telah diperincikan oleh para ulama' di dalam perbincangan ilmu usul fiqh. Sebelum kemunculan ilmu ini, perbincangan tentang dalil-dalil ini tidak mempunyai satu tajuk yang khusus tetapi hanya diambil atau difahami daripada hujah-hujah yang dikemukakan oleh para mujtahid ketika mereka mengeluarkan sesuatu hukum. Walaubagaimnapun, ilmu usul fiqh yang dipelopori oleh al-Syafi'ī telah menghimpunkan dalil-dalil ini untuk diperbahaskan dan ia juga memudahkan para mujtahid dan fuqaha' untuk menentukan dalil yang menjadi sandaran bagi setiap hukum yang ingin dikeluarkan.

Melihat kepada penghakiman di Mahkamah-Mahkamah Syariah dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh jabatan-jabatan mufti, aspek penentuan dalil perlu lebih diperkemas agar setiap ketetapan yang dibuat dapat diterima oleh semua pihak, baik pihak yang terlibat secara langsung dengan sesuatu penghakiman ataupun fatwa, mahupun pihak luar yang ingin membuat penelitian terhadap ketetapan tersebut. Penggunaan istilah yang tepat juga perlu dititikberatkan agar ketetapan hukum yang diberikan lebih berwibawa dan dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat di dalam negara serta dapat diketengahkan ke peringkat antarabangsa.

(4) Pemerksaan ilmu usul fiqh

Disebabkan kajian ini mempunyai kaitan secara langsung dengan ilmu usul fiqh, penyelidik ingin memberi cadangan agar ilmu usul fiqh ini diperkasakan semula dalam semua institusi penting yang terdapat di negara kita. Bermula dengan pendedahan awal daripada peringkat sekolah sehinggalah kepada perancangan yang strategik untuk menghasilkan lebih ramai pakar dalam bidang ini. Pakar-pakar ilmu usul fiqh perlu diletakkan sama ada sebagai orang yang bertanggungjawab ataupun penasihat dalam institusi yang bertanggungjawab untuk menggubal undang-undang dan dasar kerajaan, institusi yang melaksanakan undang-undang dan dasar tersebut dan institusi kehakiman itu sendiri.

Kewujudan pakar-pakar dalam bidang-bidang ini dapat memastikan setiap keputusan dan tindakan yang hendak dilakukan oleh orang-orang bertanggungjawab dalam institusi-institusi tersebut adalah berlandaskan kepada sumber-sumber hukum dan syariat Islam. Sebarang pertikaian terhadap keputusan dan tindakan ini juga dapat dielakkan, lebih-lebih lagi dalam suasana sekarang di mana terdapat terlalu banyak

perselisihan pendapat dan pertelingkahan yang berlaku di dalam masyarakat. Oleh itu, sekiranya setiap keputusan dan tindakan yang diambil berlandaskan sumber-sumber syarak yang jelas, wajarlah bagi mana-mana pihak yang tidak bersetuju dengan keputusan atau tindakan tersebut berlapang dada kerana ia juga mempunyai dalil daripada sumber yang diiktiraf oleh syarak sekalipun pihak yang tidak bersetuju mempunyai pandangan yang lain. Perkara ini bertepatan juga dengan satu kaedah fiqh:

(لَا يُنْكِرُ الْمُخْتَلَفُ فِيهِ، وَإِنَّمَا يُنْكِرُ الْمُجْمَعُ عَلَيْهِ)²

Kaedah ini bermaksud sekiranya sesuatu permasalahan itu merupakan perkara yang menjadi perselisihan di kalangan para ulama', maka tidak harus bagi mana-mana pihak untuk mengingkari ketetapan hukum yang dibuat oleh orang lain. Sebaliknya, sekiranya permasalahan tersebut merupakan perkara yang telah disepakati oleh sekalian ulama' ('Ijmā'), maka harus bagi mana-mana pihak untuk mengingkari ketetapan hukum yang bertentangan dengan 'Ijmā' para ulama' tersebut. Kesimpulannya, pertelingkahan yang berpanjangan sesama Islam hendaklah dielakkan agar umat Islam dapat bersatu kembali dan menjadikan matlamat utama dalam kehidupan setiap individu muslim ialah untuk memuliakan dan meninggikan agama dan syiar Islam.

² Al-Şuyūṭī, Jalal al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr (tt), *al-Asybah wa al-Nazā'ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 158.

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN BAHASA MELAYU DAN INGGERIS

- Ahmad Hidayat Buang (2002), "Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil. 10, Bil. 1.
- Asmadi Mohamed Naim (2006), "Kesahan Pemotongan Caruman KWSP Gaji Pekerja dan Zakat Caruman KWSP" dalam Abdul Ghafar Ismail *et al.* (eds.), *Zakat: Pensyariatan Perekonomian dan Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Basri Ibrahim (2004), *Pemindahan Organ dalam Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Curzon, L. B. (2007), *Dictionary of Law*, c. 5. Harlow: Pearson.
- Hasnan Kasan (2006), "Prosedur Mengeluar dan Menguatkuasa Fatwa di Semenanjung Malaysia", *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, j. 10.
- Idris Awang, (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Selangor: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Iskandar Usman, (1994), *Istihsan dan Pembaharuan Hukum Islam*. Jakarta: Rajawali Press, Citra Niaga Perguruan Tinggi.
- Majlis Ugama Islam Singapura (2007), *Pemindahan Organ dalam Islam: Fiqih dan Pelaksanaannya di Singapura*. Singapura: Office of Mufti Strategic Unit.
- Mif. Rohim Noyo Sarkun (2007), "Kajian Konflik Pemikiran Imam Abu Hanifah dan Imam Syāfi'ī Tentang Metode *Istihsān*" (Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Mohd Nazri Asiabu (2004), "Penggunaan *Maṣlaḥah* dalam Fatwa: Kajian Kes bagi Fatwa-Fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia" (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Mohd. Noor bin Deris (1985), "*al-Maṣāliḥ al-Mursalah* dalam Perundangan Islam dan Pelaksanaannya di Kelantan" (Disertasi Sarjana, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).
- Mustafa Abdul Rahman (2006), "Manhaj Fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan", (Kertas Kerja Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, 5-6 Disember 2006).
- Noor Naemah Abd. Rahman (2002), "Ruang Ijtihad dalam Amalan Fatwa di Malaysia: Sorotan dari Sudut Pentadbiran Fatwa", *Jurnal Syariah*, Jil. 10, Bil. 2.

- Noor Naemah Abd. Rahman dan Mohd Nor Hashri Junoh (2003), “Pendekatan Ijtihad *Tarjīhī* dalam Amalan Fatwa Jemaah ulama’ Negeri Kelantan: Rujukan Kepada Fatwa-fatwa 1900-an”, *Jurnal Syariah*, Jil. 11, Bil 2.
- Saim Kayadibi (2007), *Ijtihad by Ra’y: The Main Source of Inspiration behind Istihsān*”, *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Jil. 24, Bil. 1.
- _____ (2006), *Doctrine of Istihsān in Islamic Law*, Konya: Dizgi Ofset.
- Shaikh Mahmood (1990), “Zakat Gaji dan Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)” (Kertas Kerja Bengkel Penyelarasan Taksiran Zakat, 20-22 Ogos 1990).
- Sheikh Ghazali Abdul Rahman (2004), “Usul Fiqh Dalam Al-Qada”, *Jurnal Hukum*, Jil 18, Bil. 2, Disember 2004.
- Sholihin Bunyana, (2002), “Sikap Imam asy-Syafi’i terhadap *Istihsān*” (Tesis (PhD), Fakultas PascaSarjana, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta).
- Suwaid bin Tapah (1996), “Konsep dan Amalan Pembahagian Harta Sepencarian Orang-Orang Islam di Malaysia” (Tesis Ph.D, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).
- “Hukum Transplan Organ dan Tisu” (Kertas Kerja yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil: 6/2009 pada 30 Disember 2009).
- Kamus Undang-Undang* (1995). Shah Alam: Fajar Bakti.

RUJUKAN BAHASA ARAB

- ‘Abdullah Rabī‘ ‘Abdullah Muḥammad, (2007), *al-Istiḥsān wa Hujjiyatuhū ‘ind al-Uṣūliyyīn*, Kaherah: Dar al-Salām.
- ’Ābādī, Abū ‘Abd al-Raḥmān Syaraf al-Ḥaḥ (2005), *‘Awn al-Ma‘būd*, j. 1 dan 2. Beirut: Dār ‘Ibn al-Ḥazam.
- ‘Abd al-Waḥḥāb Khalāf, (2005), *Maṣādir al-Tasyrī‘ al-Islāmī fī Mā Lā Naṣṣa fīhī*, Kuwait: Dār al-Qalam.
- Abū Bakr ‘Uthmān bin Muḥammad Syaṭā al-Dimyāṭī al-Bakrī (1995), *Ḥāsyiyah I‘ānah al-Ṭālibīn*, j. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Aḥmad bin Taymiyyah (t.t.) *al-Muswaddah*. Kaherah: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Aḥmad, Abū ‘Abdillah Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal (2001), *Musnād al-‘Imām Aḥmad bin Ḥanbal*, j. 6 dan 45. Kaherah: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Āmidī, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Abī ‘Alī (t.t.), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, j. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ba‘lawī, ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad (1998), *Bughyah al-Mustarsyidīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Baihaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn (t.t.), *al-Sunan al-Ṣaḥīḥ*, j. 2 dan 4. Karachi: Jam‘iyyah al-Dirāsāt al-Islāmiyyah.
- _____ (2003), *al-Sunan al-Kubrā*, j. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Buhūṭī, Maṣṣūr bin Yūnus (t.t.), *Kasysyāf al-Qinā‘*, j. 4. Kementerian Keadilan Kerajaan Di Raja Arab Saudi.
- Al-Bujayrimī, Sulaymān bin Muḥammad (t.t.), *Ḥāsyiyah al-Bujayrimī ‘alā al-Khaṭīb*, j. 4. Kaherah: Maktabah Tawfīqiyyah.
- Al-Bukhāri, ‘Alā’ al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz bin Aḥmad bin Muḥammad, (1997), *Kasyf al-Asrār ‘an Uṣūl Fakhr al-Islām al-Bazdawī*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Dardīr, Abū al-Barakāt Aḥmad bin Muḥammad (t.t.), *Al-Syarḥ al-Kabīr*, j. 4. Kaherah: Dār ‘Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥusayn, (1992), *al-Maḥṣūl fī Uṣūl al-Fiqh*, j. 6, Beirut: Muassah al-Risālah.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad, (1997), *al-Muṣṭaṣfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, j. 1, Beirut: Muassah al-Risālah.

- Āl-Ḥajāwī, Syaraf al-Dīn Mūsā bin Aḥmad (t.t.), *al-'Iqnā'*, j. 1. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn (2003), *Radd al-Muḥtār*, j. 3. Riyadh: Dār 'Ālam al-Kutub.
- Ibn al-Ḥājib, Jamāl al-Dīn 'Uthmān bin 'Umar (2000), "*Mukhtaṣar al-Muntahā al-Uṣūlī*", Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Humām, Kamāl al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Wāḥid (1995), *Fatḥ al-Qadīr*, j. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Najjār, Taqīy al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad (1997), *Syarḥ al-Kawkab al-Munīr*, j. 4. Riyadh: Maktabah al-'Abaykān.
- Ibn Ḥajar, Abū al-Faḍl Aḥmad bin 'Alī al-'Asqalānī (t.t.), *al-Dirāyah fī Takhrīj Ahādith al-Hidāyah*, j. 2, Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- _____ (1989), *al-Talkhīṣ al-Ḥabīr*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- _____ (2006), *Fatḥ al-Bārī Syarḥ al-Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, j. 1 dan 2. Beirut: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah.
- Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad bin Sa'īd, (t.t.), *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, j. 6, Beirut: Dār al-Āfāq al-Jādīdāh.
- Ibn Kathīr, Ismā'il bin 'Umar al-Dimasyqī (1999), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, j. 2 dan 6. Riyadh: Dār Ṭayyibah.
- Ibn Mājah, Abū 'Abdillah Muḥammad bin Yazīd (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif.
- Ibn Qudāmah, 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad (t.t.), *al-Syarḥ al-Kabīr*, j. 1. Kaherah: Dār al-Kitāb al-'Arabī
- Ibn Qudāmah Muwaffāq al-Dīn, 'Abdullah bin Aḥmad (1987). *Rawḍah al-Nāẓir*. j. 3, Kaherah: Mu'assasah al-Risālah.
- _____ (2004), *al-Mughnī*, j. 14. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Isma'il bin Muhammad al-Jarāhī, (1988), *Kasyf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Jamal, Sulaymān bin 'Umar (1996) *Ḥāsiyyah al-Jamal 'alā Syarḥ al-Manhaj*, j. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Jaṣṣāṣ, Abū Bakr Aḥmad bin 'Alī Al-Rāzī (2000), *al-Fuṣūl fī al-Uṣūl*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Jazirī, ‘Abd al-Rahmān (1990), *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-’Arba‘ah*, j. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait (1988), *Al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, j. 12. Kuwait: Dār al-Salāsīl
- Al-Khaṭīb, Syams al-Dīn Muḥammad bin al-Khaṭīb al-Syirbīnī (1997), *Mughnī al-Muḥtāj*, j. 1, 3 dan 4. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Lajnah al-Dā‘imah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-’Iftā’ (1996), *Fatāwā al-Lajnah al-Dā‘imah li al-Buhūth al-‘Ilmiyyah wa al-’Iftā’*, j. 9. Riyadh: Dār al-‘Āshimah.
-
- (1998), “Naql Dam aw ‘Uḍw aw Juz’ min ‘Insān ‘ilā ‘Ākhar”, *Majallah al-Buhūth al-Islamiyyah*, j. 22, Mei 1998.
- Al-Maḥallī, Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad (1999), *Jam‘ al-Jawāmi‘*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Mālik bin ‘Anas (2005), *al-Mudawwanah al-Kubrā*, j. 2. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Al-Mardāwī, ‘Alā’ al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Sulaymān (1998), *al-’Inṣāf*, j. 1. Beirut: Dār ‘Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī
- Al-Marghīnānī, Burhān al-Dīn ‘Alī bin Abī Bakr (2000), *al-Hidāyah Syarḥ Bidāyah al-Mubtadī*, j. 4. Kaherah: Dār al-Salām.
- Al-Mubarakfūrī, Abū al-‘Alā’ Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān (1963), *Tuḥfah al-Aḥwazī*, j. 1, 4, 5 dan 6. Madinah: al-Maktabah al-Salafīyyah.
- Muḥammad ‘Alī al-Bār (1994), *al-Mawqif al-Fiqhī wa al-Akhlaqī min Qaḍīyyah Zar‘i al-’A‘dā’*. Beirut: Dār al-Qalam.
- Muḥammad ‘Alī Muḥammad (2004), “*al-Istidlāl bi al-Istiḥsān fi Masā’il al-’Ibādāt ind al-Ḥanafīyyah*” (Kajian Peringkat Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Kuliah Tarbiah, Universiti al-Malik Sa‘ūd).
- Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjaj al-Naysābūrī (1998), *Ṣaḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dār al-Mughnī.
- Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā’ (t.t.), *Al-Istiṣlāh wa al-Maṣālīh al-Mursalāh fi al-Syarī‘ah al-Islamiyyah wa Uṣūlī Fiqhihā*, Damsyik: Dār al-Qalam
- Al-Nadwī, ‘Alī bīn Aḥmad (1991), *al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dār al-Qalam,
- Al-Nasā’ī, Abū ‘Abd al-Rahmān Aḥmad bin Syu‘ayb (t.t.), *Sunan al-Nasā’ī*. Riyadh: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah

- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yaḥyā bin Syaraf (2000), *Rawḍah al-Tālibīn*, j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- _____ (1996), *al-Majmū’*, j. 5. Beirut: Dār al-Fikr
- Al-Qādī al-‘Iḍid, ‘Abd al-Rahmān bin Aḥmad al-Ījī (2000), “*Syarḥ al-‘Iḍid ‘ala Mukhtaṣar al-Muntahā al-Uṣūlī*”, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Qāsim bin ‘Abdullah (2004), *Anīs al-Fuqahā’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qurtubī, Muḥammad bin Aḥmad, (2003), *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’an*, j. 5 dan 15, Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub.
- Qutṭā’ al-’Iftā’ wa al-Buhūth al-Syar‘iyyah (1996) *Majmū’ah al-Fatāwā al-Syar‘iyyah*, j. 1 dan 2. Kuwait: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam
- Al-Rāzī, Zayn al-Dīn Muḥammad bin Abū Bakr bin ‘Abd al-Qadīr, (1995), *Mukhtār al-Šiḥḥāḥ*, Beirut: Maktabah Lubnān Nāsyirūn.
- Sa’dī Abū Ḥabīb (1988), *al-Qāmūs al-Fiḥrī*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Šāliḥ bin Ghānim (1996), *al-Qawā’id al-Fiḥriyyah al-Kubrā wa Mā Tafarra’a ‘anhā*. Riyadh: Dār al-Balnasiyyah.
- Al-Samarqandī, ‘Alā’ al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad (1994), *Tuḥfah al-Fuqahā’*, j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Sarakhsī, Muḥammad bin Aḥmad Syams al-A’immah (1986), *al-Mabṣūṭ*, j. 6. Beirut: Dār al-Ma’rifah.
- Sirāj Al-Dīn al-Armawī, Maḥmūd bin Abī Bakr, (1988), *al-Taḥṣīl*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Šuyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr (t.t.), *al-Asybah wa al-Nazā’ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Syāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs (1983), *al-Umm*, j. 5 dan 7. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Syātibī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā (t.t.), *al-I’tisām*. t.t.p: Maktabah al-Tawhīd.
- _____ (1997). *Al-Muwāfaqāt*. j. 5. Khubar: Dār Ibn ‘Affān.
- Al-Syibrāmalisī, Abū al-Ḍiyā’ ‘Alī bin ‘Alī (1938), *Ḥāsiyyah ‘alā Nihāyah al-Muḥtāj*, j. 5. Kaherah: Maṭba‘ah Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihī.
- Al-Syilbī, Syihāb al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad (t.t.), *Ḥāsiyyah al-Syilbī ‘alā Tabyīn al-Haqā’iq*, j. 1. Kaherah: Maṭba‘ah al-Kubrā al-‘Amīriyyah.
- Al-Syirwānī, ‘Abd al-Ḥamīd (1996), *Ḥawāsyī Tuḥfah al-Muḥtāj*, j. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Al-Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr (2000), *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*, j. 20. Kaheerah: Mu'assah al-Risālah.
- Al-Ṭabrānī, Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad (t.t.), *al-Mu'jam al-Kabīr*, j. 2. Kaheerah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- _____ (1995), *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, j. 4, Kaheerah: Dār al-Ḥaramayn.
- Al-Taftāzānī, Sa'd al-Dīn Mas'ūd bin 'Umar, (1996), *Syarḥ al-Talwīḥ 'alā al-Tawdīḥ li Matn al-Tanqīḥ*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Tāj al-Dīn al-Subkī, 'Abd al-Wahhāb bin 'Alī bin 'Abd al-Kāfī, (2003), *Jam' al-Jawāmi'*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ṭūfī, Sulaymān bin 'Abd al-Qawī bin al-Karīm (1987). *Syarḥ Mukhtaṣar al-Rawḍah*. j. 3, Kaheerah: Mu'assasah al-Risālah.
- Usāmah al-Ḥamawī. (1992) *Nazariyyah al-Istiḥsān*. Damsyik: Dār-al-Khair.
- Wahbah al-Zuḥaylī (1985), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhū*, j. 8. Damsyik: Dār al-Fikr.
- _____ (1997), *al-Tafsīr al-Munīr*, j. 5. Damsyik: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir.
- Ya'qūb bin 'Abd al-Wahhāb (2007) *al-Istiḥsān Haqīqatuhū- 'Anwā'uhū-Ḥujjiyatuhū-Taṭbīqātuhū al-Mu'āṣirah*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994), *Fiqh al-Zakāh*, j. 2. Kaheerah: Maktabah Wahbah.
- Yūsuf Mahmūd, (1994), *al-Mantiq al-Ṣūrī al-Taṣawwurat wa al-Taṣdīqāt*. Doha: Dār al-Hikmah.
- Zakariyyā al-Anṣārī, Ibn Muḥammad bin Aḥmad bin Zakariyyā, (t.t.), *Ghāyah al-Wuṣūl fī Syarḥ Lubb al-Uṣūl*, Kaheerah: Maṭba'ah 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī.
- _____ (2000), *'Asnā al-Maṭālib Syarḥ Rawḍ al-Ṭālib*, j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zarkasyī, Badr al-Dīn Muḥammad bin 'Abdillah, (2000), *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*, j. 4, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- _____ (1985), *al-Manthūr fī al-Qawā'id*, j. 3. Kuwait: Syarikah Dār al-Kuwayt li al-Ṣaḥāfah.
- Al-Zarqā', Aḥmad bin Muḥammad (1989), *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Zayla'ī, Fakhr al-Dīn 'Usmān bin 'Alī (1895), *Tabyīn al-Haqā'iq*, j. 1, 3, 4, 5 dan 6. Kaheerah: Maṭba'ah al-Kubrā al-Amiriyyah.

WARTA KERAJAAN DAN MINIT MESYUARAT

Warta Kerajaan Negeri Selangor yang diterbitkan pada 25 Mei 2006 (Jil. 59, No 11).

Warta Kerajaan Negeri Selangor yang diterbitkan pada 21 Disember 2006 (Jil. 59, No 26).

Warta Kerajaan Negeri Selangor yang diterbitkan pada 15 Mac 2007 (Jil. 60, No 6).

Warta Kerajaan Negeri Selangor yang diterbitkan pada 7 Jun 2007 (Jil. 60, No 12).

Warta Kerajaan Negeri Selangor yang diterbitkan pada 25 Oktober 2007 (Jil. 60, No 22).

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang kali ke 1/2008 pada 29 Ogos 2008.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang kali ke 2/2008 pada 12 September 2008.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang kali ke 3/2008 pada 16 Oktober 2008.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang kali ke 4/2008 pada 7 November 2008.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang kali ke 1/2009 pada 22 Januari 2009.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang kali ke 2/2009 pada 19 Mac 2009.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang kali ke 3/2009 pada 20 Mei 2009.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang kali ke 4/2009 pada 30 Julai 2009.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang kali ke 5/2009 pada 22 Oktober 2009.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang kali ke 6/2009 pada 30 Disember 2009.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan 1/1429 pada 27 Februari 2008.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan 1/1430 pada 30 Jun 2009.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan 3/1430 pada 5 Ogos 2009.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-71 pada 12 Mei 2008.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-72 pada 21 Ogos 2008.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-73 pada 31 Disember 2008.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-74 pada 29-30 Jun 2009.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan kali ke-75 pada 27 Ogos 2009.

LAMAN WEB

Bayaran Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Sejurus Pengeluaran - Satu Alternatif, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/bayaran-zakat-kumpulan-wang-simpanan-pekerja-kwsp-sejurus-pengeluaran-satu-alternat>, 9 Februari 2011.

Dār al-'Iftā' al-Miṣriyyah - Hukm Ta'jīl al-Zakāh li Akthar min Thanatayn, <http://www.dar-alifta.org/ViewFatwa.aspx?LangID=1&ID=2474>, 9 Februari 2011.

Fatwa Tentang Kaedah Pembayaran Zakat KWSP, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-kaedah-pembayaran-zakat-kwsp>, 9 Februari 2011.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/jawatankuasa-fatwa-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia>, 7 Februari 2011.

myMetro - Mampu tapi tak nak bayar nafkah, <http://www.hmetro.com.my/articles/Mamputapitaknakbayarnafkah/Article>, 7 Oktober 2011.

Utusan Malaysia Online - Dalam Negeri, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0101&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_02.htm, 10 Februari 2011.

Utusan Malaysia Online - Mahkamah, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1216&pub=Utusan_Malaysia&sec=Mahkamah&pg=ma_02.htm, 10 Februari 2011.